

**SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

GARIS PANDUAN KELAYAKAN GERAN SISWAZAH PENYELIDIKAN

1.0 PENDAHULUAN

Geran siswazah penyelidikan kedoktoran diwujudkan bagi membantu mempertingkatkan keberkesanan penyeliaan bagi siswazah siswazah penyelidikan di Universiti Teknologi Malaysia. Memandangkan jumlah siswazah penyelidikan yang semakin meningkat dan geran penyelidikan siswazah yang disalurkan oleh pihak UTM amat terhad, pembahagian geran ini akan dibuat mengikut beberapa kriteria yang telah dipersetujui dan ditetapkan oleh pihak Sekolah Pengajian Siswazah.

2.0 MAKLUMAT GERAN

Geran ini melibatkan peruntukan maksimum sebanyak RM1,000 bagi seorang penyelia. Penyelia perlu menuntut perbelanjaan daripada tabung geran penyelidikan siswazah siswazah. Memandangkan jumlah geran adalah sangat terhad, penyelia diminta untuk memberi perhatian khusus akan perkara yang dibenarkan dituntut daripada geran ini. Perbelanjaan bagi seorang siswazah ialah maksimum RM500 sahaja. Permohonan perlu dibuat menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang SPS <http://www.sps.utm.my>

3.0 KELAYAKAN PENSYARAH

1. Penyelia mestilah pensyarah UTM.
2. Penyelia mestilah penyelia utama.
3. Penyelia mestilah menyelia siswazah ijazah kedoktoran berdaftar dan berstatus aktif .
4. Penyelia siswazah perlu memohon bagi mendapatkan kelulusan SPS setiap kali bercadang menggunakan peruntukan.
5. Hanya perbelanjaan yang diluluskan boleh dituntut oleh siswazah melalui penyelia daripada SPS.
6. Geran penyelidikan siswazah hanya boleh digunakan bagi membantu siswazah menjalankan aktiviti penyelidikan seperti

- a. Menampung sebahagian kos perjalanan bagi pengumpulan data.
 - b. Menampung sebahagian kos perjalanan untuk persidangan.
 - c. Membayar kos penerbitan dalam jurnal berindek ISI atau Scopus.
7. Geran penyelidikan siswazah tidak boleh digunakan sebagai upah atau saguhati kepada penyelia.
 8. Geran penyelidikan siswazah tidak boleh digunakan untuk membeli peralatan berbentuk harta tetap, membayar elaun atau yuran siswazah dan aktiviti-aktiviti lain yang mendapat pembiayaan dari sumber-sumber lain di universiti.
 9. Penyelia kepada mana-mana siswazah yang menerima mana-mana penajaan atau bantuan tidak layak memohon.

4.0 KELAYAKAN SISWAZAH

1. Siswazah yang diselia mestilah menjalankan penyelidikan sepenuh masa.
2. Siswazah yang diselia mestilah berada dalam semester pertama hingga semester ke enam bagi membolehkan penyelia layak menerima Geran Penyelidikan Siswazah.
3. Siswazah yang telah melangkaui enam semester tidak akan dipertimbangkan bagi geran penyelidikan ini.
4. Keutamaan akan diberikan kepada siswazah penyelidikan yang memerlukan bantuan bagi pembelian barangan yang kritikal untuk menjalankan penyelidikan.
5. Pelajar yang mendapat tajaan seperti RGS, Zamalah, My PhD dan lain-lain tidak layak mendapat geran penyelidikan ini.

5.0 KEPUTUSAN JAWATANKUASA TETAP SENAT PENGAJIAN SISWAZAH

Adalah menjadi hasrat Sekolah Pengajian Siswazah untuk menyalurkan geran penyelidikan siswazah ini secara automatik kepada semua penyelia siswazah penyelidikan namun berdasarkan jumlah yang diberikan hanya sebilangan kecil penyeliaan yang akan mendapat kemudahan ini. Biarpun jumlah yang diperolehi kecil berbanding dengan geran-geran mahupun sumber penajaan yang lain geran penyelidikan ini diharap dapat membantu penyelia dan siswazah dalam memastikan penyelidikan yang dijalankan dapat diselesaikan dengan jayanya.